

NILAI**9****KEBERANIAN**

● Halaman Buku Teks: 71 – 80 ●

- D** Nyatakan tindakan berani serta perasaan kamu apabila memberikan pandangan berdasarkan situasi di bawah. **SP 9.1.3 TP4**

1. Adik kamu dan anak jiran sedang bermain anak patung. Tiba-tiba, kamu terlihat adik dan anak jiran bergaduh kerana berebutkan anak patung itu.

(a) Tindakan Berani:

(b) Perasaan:

2. Jiran kamu sering mengeluarkan kata-kata kesat terhadap orang yang datang meminta derma daripadanya. Dia bersikap sombong dan mementingkan diri sendiri.

(a) Tindakan Berani:

(b) Perasaan:

3. Anak jiran telah memecahkan pasu bunga milik jiran yang lain secara tidak sengaja ketika bermain bola. Dia kelihatan takut dan hendak melarikan diri serta tidak mahu bertanggungjawab atas kesalahannya.

(a) Tindakan Berani:

(b) Perasaan:

NILAI**9****KEBERANIAN**

● Halaman Buku Teks: 71 – 80 ●

- E** Tandakan (✓) pada ruang kosong bagi situasi di bawah dengan menilai tahap keberanian kamu. **SP 9.1.4 TP5 TP6**

Petunjuk:

1 – Selalu

2 – Kadang-kadang

3 – Jarang-jarang

Situasi	1	2	3
1. Saya akan menegur anak jiran yang membuang sampah di kawasan rumah jiran yang lain.	☐	☐	☐
2. Saya akan menyuruh anak jiran bermaaf-maafan selepas mereka bertengkar.	☐	☐	☐
3. Saya akan menasihati anak jiran supaya tidak membuang masa dengan melakukan kerja-kerja yang tidak berfaedah.	☐	☐	☐
4. Saya berani memberitahu ibu bapa anak jiran yang tidak mendengar nasihat saya supaya tidak merosakkan alatan di taman permainan.	☐	☐	☐
5. Saya akan menegur dan menasihati anak jiran yang suka membuli anak jiran yang lain.	☐	☐	☐

Skor Keberanian Kamu:**JUMLAH**

Jika kamu mendapat markah 13 – 18 → Tahniah, kamu seorang yang berani!

Jika kamu mendapat markah 7 – 12 → Memuaskan. Tingkatkan sikap berani kamu.

Jika kamu mendapat markah 1 – 6 → Kamu perlu berusaha lagi untuk meningkatkan keberanian kamu.